



KENYATAAN MEDIA

YB TENGKU DATO' SRI ZAFRUL TENGKU ABDUL AZIZ
MENTERI KEWANGAN

LAPORAN LAKSANA KE-34

PELAKSANAAN
PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI PRIHATIN RAKYAT (PRIHATIN),
PELAN JANA SEMULA EKONOMI NEGARA (PENJANA) &
PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI KITA PRIHATIN (KITA PRIHATIN)

23 Disember 2020



PENGENALAN

1. Diharapkan agar anda semua dalam keadaan sihat sentiasa. Dalam kita menghampiri penghujung tahun 2020, ramai yang akan bercuti, merentas negeri dan meluangkan masa bersama anak-anak dan keluarga tersayang.
2. Seperti mana sejak laporan Laksana yang pertama pada bulan April lalu, saya ingin mengingatkan agar anda semua teruskanlah mematuhi SOP dan amalan kebersihan bagi membendung penularan wabak COVID-19. Seperti biasa, *stay safe, stay healthy always*.
3. Hari ini saya akan berkongsi **Laporan LAKSANA ke-34** yang merupakan laporan terakhir untuk tahun 2020. Tak sangka sudah lebih kurang 9 bulan sejak laporan Laksana yang pertama pada bulan April lalu.

PENJANA (Pelan Jana Semula Ekonomi Negara)

4. Kita mulakan dengan pencapaian pelaksanaan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara, atau PENJANA. Di bawah PENJANA, inisiatif telah dikategorikan kepada tiga matlamat iaitu:
 - a. Memperkasakan Rakyat;
 - b. Melonjakkan Perniagaan; dan
 - c. Merangsang Ekonomi.

PENJANA MATLAMAT 1: MEMPERKASAKAN RAKYAT

5. Kita dahului dengan inisiatif di bawah matlamat “Memperkasakan Rakyat”.
6. **Pertama, Program Subsidi Upah (PSU) (fasa pertama).** Sehingga 30 September 2020 iaitu tarikh penutupan PSU 1.0, lebih 322,177 majikan dan 2.64 juta pekerja telah menerima manfaat PSU di bawah PRIHATIN dan PENJANA. **Sehingga 11 Disember 2020, permohonan subsidi upah yang diluluskan mencapai nilai RM12.608 bilion.**

PSU 1.0

Tarikh Setakat	Jumlah Diluluskan* (RM bilion)	Jumlah Pekerja* (juta)	Jumlah Majikan*
11 Disember	12.608	2.640	322,177
4 Disember	12.549	2.640	322,177
27 November	12.524	2.640	322,177
30 Oktober	12.255	2.639	322,175
25 September	11.930	2.633	321,633
28 Ogos	10.383	2.620	320,440
31 Julai	8.995	2.582	318,258
26 Jun	7.074	2.455	307,518
29 Mei	4.018	2.197	286,338
24 April	1.606	1.452	207,237

*Jumlah kumulatif

7. **Kedua, Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan.** Secara keseluruhannya, sehingga 11 Disember, seramai **106,443 pekerja** telah berjaya mendapat pekerjaan melalui program ini. Jumlah ini merangkumi **85,242 orang di bawah umur 40 tahun, 13,513 individu berusia di antara 40 hingga 60 tahun, serta 6,420 perantis dan 1,268 orang kelainan upaya (OKU).** Antara industri dan sektor utama yang mengambil pekerja termasuk pembuatan serta perdagangan borong dan runcit.

Tarikh Setakat	Kategori Rakyat yang Mendapat Perkerjaan				Jumlah*
	< 40 tahun	40 – 60 tahun	Perantis	OKU	
11 Disember	85,242	13,513	6,420	1,268	106,443
4 Disember	79,428	12,465	6,122	1,267	99,282
27 November	72,505	11,370	5,808	1,247	90,930
30 Oktober	56,315	8,743	4,724	331	70,113
25 September	34,476	5,456	3,782	284	43,998
28 Ogos	18,354	3,266	2,818	178	24,616

*Jumlah Kumulatif

Senarai 5 industri/ sektor pengambil pekerja tertinggi mengikut kategori

Bil.	< 40 tahun	40 – 60 tahun	Perantis	OKU	Keseluruhan
1	Pembuatan	Perkhidmatan Lain	Perkhidmatan Lain	Perdagangan Borong dan Runcit; Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal	Pembuatan
2	Perkhidmatan Lain	Pembuatan	Pembuatan	Perkhidmatan Lain	Perkhidmatan Lain
3	Perdagangan Borong dan Runcit; Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal	Perdagangan Borong dan Runcit; Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal	Perdagangan Borong dan Runcit; Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal	Pembuatan	Perdagangan Borong dan Runcit; Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal
4	Penginapan & Perkhidmatan Makanan	Penginapan & Perkhidmatan Makanan	Penginapan & Perkhidmatan Makanan	Penginapan & Perkhidmatan Makanan	Penginapan & Perkhidmatan Makanan
5	Pendidikan	Pembinaan	Maklumat & Komunikasi	Pendidikan	Pembinaan

8. **Ketiga, Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran.** Sehingga 11 Disember, seramai **129,144 individu telah diluluskan** untuk mengambil bahagian dalam program-program yang disediakan. LAKSANA mendapati bahawa kursus yang menerima sambutan tertinggi adalah yang melibatkan ilmu keusahawanan. Ini termasuk cara berdagang di atas talian dan bersaing di peringkat antarabangsa. Pemenang anugerah Nobel Keamanan, atau *Nobel Peace Prize*, Profesor Muhammad Yunus dari Bangladesh, pernah berkata dalam bukunya berjudul *A World of Three Zeroes* bahawa setiap manusia dilahirkan dengan ciri-ciri keusahawanan. Saya percaya bahawa jika kita dapat menyemarakkan semangat keusahawanan, InsyaAllah ia boleh memperkasa peniaga di samping menjana pekerjaan serta memajukan masyarakat.

Bil.	Kementerian/Agensi	Program / Skim / Inisiatif
1.	Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB)	<i>SME Development</i>
		Industrial Revolution 4.0 (IREV4.0)
		<i>Place & Train</i>
		Gerak Insan Gemilang (GIG)
		<i>B40 Development</i>
2.	Kementerian Pembangunan, Usahawan dan Koperasi (MEDAC)	<i>INSKEN Business Training</i>
		<i>Program Micro Connector</i>
3.	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	Modul Khas Penjagaan Kesihatan dan Keselamatan Kebiasaan Baharu

		<i>Building Internal Entrepreneur Capabilities by Engaging E-Commerce Bespoke Program (e-entrepreneur) -Training e-Commerce Platform</i>
		<i>Building Capabilities and Providing Jobs Through Competencies / Short Courses Program</i>
		<i>Building Capabilities and Providing Jobs Through Industry Boot Camp</i>
		<i>Building Internal Entrepreneur Capabilities by Engaging e-Commerce Bespoke Program (e-entrepreneur) -Bespoke</i>
4.	East Coast Economic Region Development Council	<i>ETEP Enhanced Train& Place (PENJANA)</i>
5.	Northern Corridor Implementation Authority	JomNiaga@NCER
		JomKerja@NCER
6.	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC)	Pembangunan Kemahiran Komuniti
7.	Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)	Program Ekonomi Gig
		Program Keusahawanan

PENJANA MATLAMAT 2: MELONJAKKAN PERNIAGAAN

9. Kita terus ke pencapaian di bawah matlamat kedua PENJANA, iaitu “**Melonjakkan Perniagaan**”.
10. **Pertama, Pembiayaan PKS PENJANA.** Peruntukan Kerajaan sebanyak RM2 bilion di bawah program ini memberi keutamaan kepada PKS yang belum pernah mendapat pinjaman daripada bank sebelum ini. Sehingga 11 Disember, sebanyak **5,576 permohonan telah diluluskan dengan nilai pinjaman sebanyak RM1.097 bilion.**

Tarikh Setakat	Permohonan Diluluskan*	Jumlah Nilai Pinjaman* (RM juta)
11 Disember	5,576	1,096.7
4 Disember	5,397	1,072.6**
27 November	5,301	1,085.7
30 Oktober	4,488	965.5
25 September	3,351	795.3
28 Ogos	1,615	426.2

*Jumlah Kumulatif

**Penurunan berbanding minggu sebelumnya adalah disebabkan oleh pengulangan permohonan yang dikenal pasti lantaran penyelarasan dan analisa lanjut.

11. **Kedua, Pembiayaan Sektor Pelancongan PENJANA** dengan jumlah peruntukan sebanyak **RM1 bilion** khusus bagi PKS dan PKS mikro di dalam sektor ini yang masih terkesan dengan COVID-19. Setakat 11 Disember, terdapat **537 PKS** yang telah **memohon** pembiayaan ini, dan daripada jumlah ini sebanyak **245 permohonan** telah **diluluskan** dengan jumlah pembiayaan sebanyak **RM49.9 juta**.
12. **Ketiga, Skim Pemulihan Perniagaan TEKUN atau TEKUN Business Recovery Scheme (TBRS)**, juga khas untuk PKS Mikro. Sehingga 11 Disember, sebanyak **RM99.2 juta** telah disalurkan di bawah TBRS dan memanfaatkan **14,861 PKS Mikro**.

Tarikh Setakat	PKS Mikro*	Jumlah Disalurkan* (RM juta)
11 Disember	14,861	99.2
4 Disember	14,267	94.8
27 November	14,267	94.8
30 Oktober	11,972	79.7
25 September	11,383	75.5
28 Ogos	6,908	47.7
31 Julai	909	6.8

*Jumlah Kumulatif

13. **Keempat adalah Pembiayaan Mikro Kredit PENJANA di bawah Bank Simpanan Nasional (BSN)**. Sehingga 11 Disember, sebanyak **RM253.1 juta** telah disalurkan bagi memanfaatkan **7,252 PKS Mikro** termasuk dalam bidang peruncitan dan perkhidmatan.

14. Tarikh Setakat	PKS Mikro*	Jumlah Disalurkan* (RM juta)
11 Disember	7,252	253.1
4 Disember	7,252	253.1
27 November	6,492	227.5
30 Oktober	4,674	167.4
25 September	2,007	73.7
28 Ogos	399	15.2

*Jumlah Kumulatif

14. **Kelima, Bumiputera Relief Financing (BRF)** yang telah diperkenalkan oleh Perbadanan Usahawan Nasional Bhd (PUNB). Bantuan dana khas RM200 juta ini disalurkan kepada PKS bumiputera yang terkesan oleh COVID-19, dengan pembiayaan **antara RM100,000 dan RM1 juta** bagi PKS terlibat. Setakat 11 Disember, dana ini telah disalurkan kepada **160 PKS** melibatkan jumlah **RM40.8 juta**.

PENJANA MATLAMAT 3: MERANGSANG EKONOMI

15. Sekarang saya teruskan dengan matlamat ketiga PENJANA iaitu **“Merangsang Ekonomi”**.

16. **Pertama, sokongan bagi Industri Pertanian dan Makanan.** Inisiatif ini diperkenalkan melalui **suntikan pembiayaan, di samping menyediakan modal pusingan untuk petani, peladang dan nelayan.** Daripada jumlah **pe runtukan sebanyak RM400 juta, RM350 juta** merupakan peruntukan di bawah **Skim Pembiayaan Mikrokredit Agrobank.** Sehingga 11 Disember, sebanyak **RM60.9 juta** telah disalurkan di bawah skim ini bagi memanfaatkan **6,094 PKS Mikro pertanian.**
17. **Kedua, pengecualian cukai perkhidmatan bagi hotel** untuk menyokong sektor pelancongan. Pengecualian ini telah dilanjutkan ke atas perkhidmatan penginapan yang dikendalikan oleh pengendali premis penginapan mulai **1 September 2020 hingga 30 Jun 2021.** Setakat 11 Disember, nilai pengecualian cukai yang telah dimanfaatkan oleh pengendali premis penginapan telah mencecah **nilai RM836.6 juta.** Antara inisiatif lain bagi menyokong sektor pelancongan merangkumi pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM1,000 ke atas perbelanjaan melancong, serta pengecualian cukai pelancongan sepenuhnya.
18. **Ketiga, pengecualian 100% duti eksport kepada sektor komoditi** yang juga merangkumi industri berasaskan minyak sawit, bagi merangsang pertumbuhan sektor komoditi dan nilai eksport negara. Inisiatif ini dapat membantu memudahkan para pekebun kecil untuk menjual hasil keluaran mereka kepada kilang-kilang. Setakat 11 Disember, nilai pengecualian duti eksport yang berjaya dimanfaatkan oleh industri negara ialah **sebanyak RM373 juta.**

PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI KITA PRIHATIN

19. Seterusnya, sedikit perkongsian ringkas mengenai pakej KITA PRIHATIN bernilai RM10 bilion yang diumumkan pada bulan September lepas.
20. **Pertama, Bantuan Prihatin Nasional 2.0 (BPN 2.0).** Proses semakan permohonan baru dan rayuan sedang dijalankan, dan pembayaran bagi mereka yang lulus akan dibuat dalam bulan Januari 2021. Setakat 4 Disember, seramai **10.13 juta** orang penerima telah mendapat manfaat daripada pembayaran fasa pertama BPN 2.0 melibatkan jumlah **RM4.6 bilion**, atau 97% daripada RM4.8 bilion yang telah diluluskan bagi fasa pertama. Penunaian melalui BSN juga masih diteruskan sejak 26 Oktober lepas.
21. **Kedua pula adalah bagi Geran Khas PRIHATIN (GKP) 2.0.** Setakat 4 Disember 2020, sejumlah **RM856.9 juta** telah berjaya dikreditkan ke dalam akaun **285,626** PKS Mikro yang telah diluluskan. Proses rayuan juga telah dibuka dari 7 Disember hingga 21 Disember lepas. Kesemua rayuan akan melalui proses semak silang antara LHDN dan Pihak Berkuasa Tempatan, dan diumumkan dalam masa terdekat.
22. **Ketiga, PSU 2.0 di bawah pakej KITA PRIHATIN** yang bermula pada 1 Oktober lepas. Setakat 11 Disember 2020, sebanyak **RM239.73 juta** telah disalurkan kepada 39,203 majikan untuk terus beroperasi dan mengekalkan penggajian bagi 307,420 pekerja. Majikan yang memerlukan PSU 2.0 masih boleh memohon sehingga 31 Disember ini.

PSU 2.0

Tarikh Laporan	Jumlah Disalurkan* (RM juta)	Jumlah Pekerja* (juta)	Jumlah Majikan*
11 Disember	239.73	307,420	39,203
4 Disember	239.73	307,420	39,203
27 November	239.73	307,420	39,203
20 November	164.26	273,767	34,479

*Jumlah Kumulatif

ULASAN ISU SEMASA – LAPORAN LAKSANA

23. Izinkan saya mengambil sedikit masa untuk mengulas tentang beberapa isu-isu semasa.
24. Pertama sekali saya ingin menyentuh tentang **Laporan LAKSANA**. Pejam celik pejam celik, ini merupakan laporan mingguan edisi **Ke-34** bagi inisiatif-inisiatif pakej rangsangan ekonomi Kerajaan.
25. Saya ingat betapa gementarnya saya semasa berkongsi laporan pertama pada 14 April lalu. Namun, usaha ini tetap diteruskan kerana **Kerajaan berpegang kepada prinsip ketelusan dan keterbukaan**, sebab ini melibatkan dana dan kepentingan orang awam. Kata-kata semangat yang ditulis mahupun teguran di ruang komen Facebook saya semuanya diterima dengan hati terbuka. Cuma, kadang-kala yang *troll* tu, cuba kita elakkan ya. Bagi yang lain, terima kasih atas sokongan berterusan.
26. Laporan Laksana ini juga telah menjadi medium penting untuk mendapatkan maklum balas daripada Rakyat mengenai cabaran yang di hadapi, dan apabila digandingkan dengan data raya, Kerajaan mampu menambahbaik atau melanjutkan inisiatif-inisiatif tertentu. Contohnya, penambahan bagi Bantuan Prihatin Nasional daripada RM11.5 bilion kepada RM18 bilion, Geran Khas Prihatin daripada RM1.64 bilion kepada RM2.55 bilion, subsidi bil elektrik kepada lebih RM2 bilion, program subsidi upah daripada RM10 billion asalnya kepada lebih RM 17 bilion dan pelbagai lagi – kesemua ini adalah antara lain, hasil pemantauan berterusan dan maklumbalas yang diterima daripada rakyat dan perniagaan.
27. Seterusnya saya ingin berkongsi ringkasan pencapaian keseluruhan pakej-pakej rangsangan yang diumumkan sehingga kini.
28. Pertama, inisiatif PRIHATIN dan PRIHATIN PKS TAMBAHAN sudah mencapai kadar penyaluran sekitar 94 peratus bagi program jangka pendek seperti BPN dan GKP, diikuti dengan pencapaian sekitar 89 peratus bagi program jangka sederhana seperti PSU dan skim pengekalan pekerjaan. Manakala program jangka panjang ada yang *take up rate* masih rendah seperti program pembiayaan sekuriti makanan pada kadar 31%, dan ada yang tinggi seperti program pinjaman mikrokredit TEKUN pada kadar 99.8%. Kadar pengambilan bantuan ini bergantung kepada pelbagai faktor seperti keadaan ekonomi dan keperluan semasa. InsyaAllah, Kerajaan akan menggunakan data ini untuk menambahbaik bantuan bergerak ke hadapan.

29. Bagi pakej PENJANA pula, bantuan jangka pendek sudah mencapai penyaluran 76 peratus, diikuti dengan pencapaian antara 77 peratus ke 90 peratus bagi bantuan jangka sederhana dan panjang.
30. Pada kesempatan ini, saya ingin sampaikan penghargaan kepada kesemua agensi pelaksana inisiatif PRIHATIN, PENJANA dan KITA PRIHATIN, khususnya dalam memastikan pelaksanaan cekap terutamanya pada saat-saat Rakyat dan perniagaan begitu memerlukan bantuan. Terima kasih diucapkan.

ULASAN ISU SEMASA – KELULUSAN SEBULAT SUARA RUU COVID-19

31. Baru-baru ini kita telah menyaksikan kelulusan di Dewan Rakyat bagi **Rang Undang-undang Pembiayaan Kerajaan Bagi Penyakit COVID-19 (Pindaan) 2020**, sejurus selepas kelulusan Belanjawan 2021 sebelumnya.
32. Saya ingin mengambil peluang mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat, yang telah **sebulat suara** menyokong RUU ini. Kelulusan ini amat diperlukan dalam usaha memerangi COVID-19 serta menjamin keselamatan Rakyat. Tambahan RM20 bilion ini antara lain akan membolehkan Kerajaan membeli **vaksin untuk rakyat serta disalurkan sebagai dana tambahan untuk barisan hadapan kita**.
33. Dalam kehormatan perbahasan yang telah berlangsung, saya amat menghargai pandangan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kerajaan mengambil maklum kesemuanya, dan akan bersedia menambah bantuan jika perlu, demi rakyat, perniagaan dan ekonomi negara.

ULASAN ISU SEMASA – PERSEDIAAN MEMASUKI TAHUN 2021

34. Tinggal kurang dua minggu lagi sebelum kita melabuhkan tirai tahun 2020 yang luarbiasa ini, dan melangkah ke tahun 2021 dengan harapan yang serba baru.
35. Dalam kita terus berhadapan dengan situasi COVID-19, Kerajaan sudah pun menyediakan pelbagai bantuan, termasuk pakej PENJANA dan KITA PRIHATIN yang masih berterusan, serta inisiatif Belanjawan 2021 yang bakal dilaksanakan.
36. Ini antaranya termasuk fasa kedua BPN 2.0 berjumlah RM2.2 bilion yang akan disalurkan pada Januari 2021, serta program i-Sinar KWSP. Selain itu, dalam memastikan kebajikan rakyat khususnya golongan rentan sentiasa terjaga, Kerajaan, di bawah Belanjawan 2021, telah merancang pelbagai program bagi memastikan nasib golongan rentan terbela. Ini termasuk:
- a. Perlindungan Takaful MySalam bagi B40 yang turut diperluaskan merangkumi tuntutan kos peranti perubatan.
 - b. Pusat Sokongan Sosial Setempat dengan peruntukan RM21 juta bagi menangani isu keganasan rumah tangga.
 - c. Baucar Perlindungan TENANG berjumlah RM50 bagi golongan B40 mendapatkan perlindungan TENANG termasuk takaful hayat dan kemalangan diri.
 - d. Pelanjutan Sistem Insurans Pekerjaan.

- e. Pengeluaran Akaun 2 KWSP bagi mendapatkan perlindungan insuran/takaful.
 - f. Pas Perjalanan tanpa had My30 serta MyRail untuk pelajar sekolah dan golongan OKU bagi perkhidmatan komuter dan tren antara bandar.
 - g. Pemberian komputer riba kepada 150 ribu murid di 500 buah sekolah, serta
 - h. Lebih RM460 juta bagi projek penyelenggaraan rumah PPR, membina rumah Mesra Rakyat dan penyelenggaraan perumahan berstrata kos rendah dan sederhana, serta bantuan membaik pulih rumah usang yang mengalami kerosakan akibat bencana alam.
37. Selain itu, kepada PKS, perusahaan mikro dan pekerja sambilan yang memerlukan pembiayaan, terdapat tujuh (7) dana PKS oleh BNM untuk anda, iaitu:
- a. Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar (TRRF)
 - b. Kemudahan Teknologi Tinggi - Aspirasi Pelaburan Nasional (HTF - NIA)
 - c. Kemudahan Perusahaan Mikro (MEF)
 - d. Kemudahan untuk Semua Sektor Ekonomi (AES)
 - e. Kemudahan Agromakanan (AF)
 - f. Kemudahan Automasi dan Digital (ADF)
 - g. Kemudahan Pembiayaan Pelancongan PENJANA (PTF)
- Untuk maklumat lanjut, layari: https://www.bnm.gov.my/o/covid-19/index_bm.html
38. Permohonan untuk i-Sinar KWSP telah pun dibuka pada 21 Disember. Setakat ini, semua permohonan, sama ada secara digital atau fizikal, berjalan lancar. Bagi mereka yang layak, dan maklumat tersedia di dalam pangkalan data KWSP, sistem akan memberi kelulusan secara automatik dan keputusan pertama akan diketahui pada 4 Januari 2021. Bersabarlah sementara KWSP memproses permohonan yang diterima. InsyaAllah, bayaran pertama akan dibuat pada 11 Januari 2021.
39. Saya berharap bantuan-bantuan ini sedikit sebanyak dapat mengurangkan beban aliran tunai, contohnya perbelanjaan awal tahun untuk persekolahan anak-anak, perbelanjaan isi rumah dan sebagainya. Masih ada juga penyaluran GKP 2.0 bagi rayuan PKS yang lulus, dan pelbagai program seperti subsidi upah, geran, pembiayaan, pinjaman mudah, pelepasan cukai, dan banyak lagi.
40. Agensi LAKSANA juga akan memantau salah satu matlamat terpenting Belanjawan, iaitu menjana 500,000 pekerjaan bagi Rakyat kita di bawah inisiatif JanaKerja. Menyentuh hal ini, saya ingin menyatakan bahawa Kerajaan amat prihatin terhadap mereka yang telah kehilangan pekerjaan akibat COVID-19. Mulai awal tahun hadapan, PERKESO dengan sokongan Kementerian dan agensi berkaitan akan mengadakan pelbagai aktiviti berkaitan pekerjaan di bawah *Active Labour Market Programs* untuk meningkatkan peluang pekerjaan bagi semua pencari kerja, para graduan dan lepasan sekolah.

41. Antara aktiviti yang akan dilaksanakan adalah temuduga mingguan di semua Pejabat PERKESO di setiap negeri, karnival pekerjaan secara maya dan fizikal, serta bantuan penyediaan *résumé*, kaunselling kerjaya, dan program peningkatan kebolehpkerjaan. Program ini akan membuka tirainya dengan karnival pekerjaan maya dari Kolej Komuniti Tinggi MARA di Ledang, Johor pada 17 Januari, dan dari Kolej Politeknik MARA Kuala Lumpur pada 28 Januari. Karnival PenjanaKerjaya 2.0 pula akan dilaksanakan secara fizikal di UMP Pahang pada 23 Januari.
42. Saya menyeru para pencari kerja untuk menggunakan kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan. Seperti yang saya katakan tadi, kombinasi pemantauan LAKSANA, maklumbalas Rakyat, serta penggunaan data akan membolehkan kita untuk melaksanakan penambahbaikan bagi inisiatif sebegini untuk kemudahan anda semua.

PENUTUP

43. Akhir kata, jaminan saya adalah Kementerian akan terus memastikan implementasi yang efektif bagi menjamin Kesejahteraan Rakyat, Kelangsungan Perniagaan dan Ketahanan Ekonomi. Agensi LAKSANA akan terus memantau sebanyak 32 inisiatif di bawah pakej-pakej rangsangan ekonomi Kerajaan yang masih diteruskan, beserta sekurang-kurangnya 21 inisiatif di bawah Belanjawan yang akan berjalan seawal Januari 2021.
44. Kejayaan kita memulihkan ekonomi negara, sebahagiannya bergantung kepada kejayaan kita membendung wabak COVID-19 ini. InsyaAllah, **Teguh Kita, Menang Bersama.**
45. Saya mengakhiri dengan 2 rangkap pantun:
- Hinggap merbah di dahan cendana,
Di senja kala sebelah gaharu;
Berakhir sudah Laporan LAKSANA,
Kelak terbuka lembaran baharu.
- Berpencak teguh pahlawan putera,
Pertahan kota dalam Hikayat;
Belanjawan kukuh pulihkan negara,
Bantuan disalur prihatin Rakyat.
46. *That's all from me for this year.* Bagi mereka yang beragama Kristian, Selamat Hari Natal. Selamat bercuti kepada semua dan *stay safe*. *See you next year*, kita berjumpa tahun depan, InsyaAllah. *Happy New Year in advance. Take care.*

YB Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz
Menteri Kewangan
Kementerian Kewangan Malaysia
23 Disember 2020

LAMPIRAN 1 - PENCAPAIAN PAKEJ PRIHATIN

MATLAMAT 1: LINDUNGI RAKYAT		
1.	Skim pengeluaran i-Lestari di bawah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	Sehingga 11 Disember 2020, jumlah pengeluaran kumulatif adalah sebanyak RM14.05 bilion (peningkatan daripada RM13.37 bilion minggu lalu) dan melibatkan 4.86 juta penerima (peningkatan daripada 4.83 juta minggu lalu). Perancangan persaraan adalah penting dan orang ramai disyorkan untuk menggunakan Khidmat Nasihat Persaraan (Retirement Advisory Service - RAS) yang disediakan oleh pihak KWSP secara percuma untuk tujuan ini. Maklumat mengenai perkhidmatan percuma ini boleh didapati di pautan berikut: https://www.kwsp.gov.my/ms/member/retirement-advisory-service
2.	Elaun Khas Barisan Hadapan (Frontliners Allowance)	a. Sehingga 11 Disember 2020, sebanyak RM445.19 juta telah disalurkan berdasarkan 1,305,934 tuntutan (tiada peningkatan) yang terdiri daripada doktor, jururawat dan kakitangan perubatan lain yang terlibat secara langsung dalam pengurusan dan pembendungan wabak COVID-19. b. Elaun khas ini juga dipanjangkan kepada anggota tentera, polis, kastam, imigresen, bomba, anggota Angkatan Pertahanan Awam serta anggota RELA yang terlibat secara langsung dalam melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
3.	Diskaun bil elektrik	a. Sehingga 11 Disember 2020, sebanyak RM2.08 bilion dalam bentuk diskaun bil elektrik (peningkatan daripada RM2.04 bilion minggu lalu) telah disalurkan kepada 8.6 juta pengguna domestik tenaga elektrik yang disalurkan oleh Tenaga Nasional Bhd. b. Diskaun bil elektrik ini adalah lanjutan daripada Bantuan PRIHATIN Elektrik yang diperkenalkan semasa Pakej PRIHATIN. Diskaun yang diberikan adalah pada kadar antara 2 peratus ke 50 peratus berdasarkan kadar penggunaan, dan inisiatif ini disediakan sehingga 31 Disember 2020.

MATLAMAT 2: SOKONG PERNIAGAAN																																			
4.	Skim Kredit Mikro TEKUN	Setakat 11 Disember 2020, pembayaran telah dibuat kepada 26,251 PKS melibatkan jumlah sebanyak RM199.54 juta (tiada peningkatan).																																	
5.	Dana Pinjaman Mudah Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) (SME Soft Loans Funds) yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia (BNM)	Setakat 11 Disember 2020, jumlah permohonan yang telah diluluskan oleh bank-bank tempatan dan disetuju terima oleh PKS adalah RM11.24 bilion (peningkatan daripada RM11.17 bilion minggu lalu) yang akan memberi manfaat kepada 23,875 PKS (peningkatan daripada 23,759 PKS minggu lalu). Jumlah ini termasuk dana <i>Special Relief Facility</i> (SRF), <i>Automation & Digitalisation Facility</i> (ADF), <i>All-Economic Sector Facility</i> (AES) dan <i>Agrofood Facility</i> (AF). <table border="1"> <thead> <tr> <th>Dana Pinjaman Mudah PKS</th><th>Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)</th><th>Jumlah PKS*</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>11 Disember</td><td>11.24</td><td>23,875</td></tr> <tr> <td>4 Disember</td><td>11.17</td><td>23,759</td></tr> <tr> <td>27 November</td><td>11.13</td><td>23,711</td></tr> <tr> <td>30 Oktober</td><td>10.87</td><td>23,305</td></tr> <tr> <td>25 September</td><td>10.67</td><td>22,984</td></tr> <tr> <td>28 Ogos</td><td>10.3</td><td>22,440</td></tr> <tr> <td>Julai</td><td>9.6</td><td>21,410</td></tr> <tr> <td>Jun</td><td>8.4</td><td>19,539</td></tr> <tr> <td>Mei</td><td>6.9</td><td>16,833</td></tr> <tr> <td>April</td><td>1.5</td><td>3,636</td></tr> </tbody> </table> <i>*Jumlah Kumulatif</i> Walaupun dana SRF telah dimanfaatkan sepenuhnya, PKS masih boleh memohon skim pembiayaan yang masih tersedia melalui Tabung BNM seperti ADF, AES dan AF. PKS juga boleh mendapatkan pembiayaan lain melalui platform imSME di pautan https://imsme.com.my/portal/bm/ yang boleh membantu dalam membuat padanan pembiayaan yang diperlukan dengan pelbagai penyedia dana untuk PKS.	Dana Pinjaman Mudah PKS	Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)	Jumlah PKS*	11 Disember	11.24	23,875	4 Disember	11.17	23,759	27 November	11.13	23,711	30 Oktober	10.87	23,305	25 September	10.67	22,984	28 Ogos	10.3	22,440	Julai	9.6	21,410	Jun	8.4	19,539	Mei	6.9	16,833	April	1.5	3,636
Dana Pinjaman Mudah PKS	Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)	Jumlah PKS*																																	
11 Disember	11.24	23,875																																	
4 Disember	11.17	23,759																																	
27 November	11.13	23,711																																	
30 Oktober	10.87	23,305																																	
25 September	10.67	22,984																																	
28 Ogos	10.3	22,440																																	
Julai	9.6	21,410																																	
Jun	8.4	19,539																																	
Mei	6.9	16,833																																	
April	1.5	3,636																																	